

03/08/2003

58 NGO sepakat bentuk REVO

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Lima puluh lapan badan bukan kerajaan (NGO) mewakili pelbagai lapisan masyarakat Islam Malaysia sepakat membentuk Gerakan Revolusi Pemikiran Rakyat (REVO), sebagai satu usaha memperbetulkan salah tanggapan pelbagai pihak terhadap Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan gerakan itu di Stadium Putra Bukit Jalil, awal Oktober depan sebelum Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10.

Pengerusi Penyelaras Jawatankuasa Pemandunya, Zulkifli Alwi berkata, gerakan itu mencakupi kerjasama pelbagai bidang dengan fokus utama diberi kepada isu salah faham Islam dan yang menjurus terhadap penghayatan Islam serta amalan budayanya dalam kehidupan seharian.

"Kita mahu REVO menjadi gerakan rakyat kerana kekeliruan mengenai Islam berlaku di kalangan masyarakat terbanyak, termasuk umat Islam sendiri dan perkara ini harus ditangani segera.

"Anggota REVO bersetuju bahawa usaha ini tiada kaitan dengan mana-mana parti politik. Sebaliknya, kita cuma melaksanakan tanggungjawab sebagai pertubuhan berasaskan Islam dan mahu memastikan martabat Islam terus terpelihara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat penubuhan jawatankuasa bersama REVO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Seramai 37 wakil NGO menghadiri mesyuarat itu, sebagai susulan pertemuan pertama yang dihadiri 21 wakil pelbagai NGO berasaskan Islam pada 15 Julai lalu.

Zulkifli berkata, antara kegiatan yang dirancang REVO ialah seminar, majlis dialog, sesi penerangan dan diikuti perhimpunan besar-besaran bersama Perdana Menteri.

Mengenai kumpulan sasaran REVO, Zulkifli berkata usaha itu akan membabitkan kefahaman di kalangan semua lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira agama dan keturunan.

"Wakil NGO yang menghadiri mesyuarat kali ini melahirkan keresahan dan kebimbangan mereka mengenai masalah salah faham yang kian meluas segi akidah, syariah dan amalan.

"REVO diharap mampu mencetus harapan dan meluaskan pandangan masyarakat kepada fahaman sebenar mengenai Islam, sekali gus menyingkirkan segala bentuk salah faham yang timbul selama ini.

"Dengan mengguna pakai konsep Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia), REVO adalah percubaan kita memaksimumkan sumber dan kekuatan NGO bagi mencapai satu tujuan murni iaitu melindungi kepentingan Islam di negara ini," katanya.

Beliau turut mengumumkan pemilihan Setiausaha Eksekutif Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan, sebagai timbalannya manakala Ketua Sekretariat Tetap Hal Ehwal Islam Pemuda Umno, Shamsul Najmi Shamsuddin, mengetuai Jawatankuasa Penyelaras.